

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

Tuan Fong Kui Lun [BUKIT BINTANG] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melonjakkan semula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) ke tahap yang membanggakan berikutan prestasi menurun akibat kemelut dalaman yang melanda sekarang.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan FGV namun Kerajaan mengharapkan Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dapat memainkan peranan masing-masing.

Keputusan FGV memperkenalkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada awal tahun ini dilihat dapat menambah baik operasi perniagaan dan hala tuju masa depan yang lebih realistik mengikut keadaan pasaran semasa serta memberi keyakinan kepada pelabur.

Menerusi SP20 ini, fokus akan dapat diberikan kepada perniagaan teras iaitu perladangan, mengukuhkan kewangan, mengurangkan kos, meningkatkan tadbir urus korporat yang baik dan menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham.

Mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas. Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tadbir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif

dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry – DI*) dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Sekian. Terima kasih.